Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4
Tarikh : 9 Oktober 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 26/2026

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH BERSASAR BAGI STAF UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA SUSULAN PENUTUPAN SEKOLAH AKIBAT KRISIS JEREBU

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, susulan penutupan sekolah akibat krisis jerebu mulai 9 Oktober 2026, pihak Universiti membenarkan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) Bersasar kepada staf Universiti Kebangsaan Malaysia yang terjejas bagi penjagaan anak sepanjang tempoh penutupan sekolah berkenaan. Pelaksanaan BDR ini adalah berkuat kuasa mulai 12 Oktober 2026 dan tertakluk kepada tempoh penutupan sekolah tersebut.

3. Pemberian kebenaran BDR Bersasar adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing dengan mengambil kira syarat-syarat berikut:

i. Sekolah anak staf berkenaan ditutup akibat krisis jerebu; dan
ii. Kemudahan BDR Bersasar hanya boleh dipertimbangkan kepada salah seorang ibu atau bapa sahaja bagi anak yang sama.

4. Ketua PTj hendaklah meneliti setiap permohonan berdasarkan pematuhan syarat yang ditetapkan serta keperluan perkhidmatan di PTj masing-masing. Pelaksanaan kemudahan ini perlu diuruskan secara teratur bagi memastikan kelangsungan operasi dan penyampaian perkhidmatan universiti tidak terjejas.

5. Untuk makluman, pelaksanaan Hari Bekerja Hibrid adalah kekal seperti biasa. Oleh yang demikian, staf yang diberikan kebenaran BDR Bersasar hendaklah terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan serta mematuhi arahan dan ketetapan semasa universiti yang berkuat kuasa.

…2/-

6. Bersama-sama ini, dilampirkan tatacara BDR (**Lampiran A)** dan Kaedah Pendaftaran BDR Bersasar (**Lampiran B)**. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh dikemukakan kepada Encik Mohd Azmi Kasim, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui e-mel : kbpk@ukm.edu.my atau talian : 03-8921 5075.

Kerjasama dan perhatian semua Ketua PTj dalam memastikan pelaksanaan BDR Bersasar ini mematuhi syarat yang ditetapkan serta tidak menjejaskan kelancaran urusan perkhidmatan universiti amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD
Pendaftar

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO. : QMS 01100
CERTIFIED TO ISO 9001: 2015 CERT. NO. : QMS 01100
CERTIFIED TO ISO 9001: 2015 CERT. NO. : QMS 01100
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022 CERT. NO. : ISMS 00249
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022 CERT. NO. : ISMS 00249
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022 CERT. NO. : ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar